

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2017

BAHASA MALAYSIA

012

TAHUN 4

Nama:.....

Tarikh:.....

PENULISAN (012)

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.**
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada **menjawab Soalan 1 atau Soalan 2.**

Bahagian A (10 markah) (Masa yang dicadangkan : 15 minit)

Gambar di bawah ini menunjukkan cara-cara penjagaan kesihatan.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang cara-cara menjaga kesihatan berdasarkan gambar.



10

Bahagian B

[15 markah]

[Masa yang dicadangkan: 25 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan iklan Karnival Jom Membaca.

Tulis ulasan tentang iklan karnival tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50** hingga **80** patah perkataan.

The poster features a large, stylized title 'KARNIVAL JOM MEMBACA' at the top. Below it, a box lists 'AKTIVITI MENARIK:' (Interesting Activities) including book sales, borrowing and returning books, skill competitions, and used reading material drives. The central illustration shows a person reading a book, surrounded by floating icons of books, glasses, a smartphone, and a pen. At the bottom, the slogan 'DATANGLAH BERAMAI-RAMAI!' (Come along in large numbers!) is displayed. To the right, there's a logo for 'BANGSA MEMBACA' with a cartoon character reading, and the slogan 'BANGSA BERJAYA'. Below this, details for the event are provided: TARIKH (Date): 11 – 13 Mac 2016; MASA (Time): 9:00 pagi – 4:00 petang; and TEMPAT (Place): Perpustakaan Negara Malaysia.

KARNIVAL JOM MEMBACA

AKTIVITI MENARIK:

- Jualan buku terbaru
- Kaunter peminjaman dan pemulangan buku disediakan
- Kempen keahlian
- Kempen derma bahan bacaan terpakai

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI!

BANGSA MEMBACA

BANGSA BERJAYA

TARIKH:
11 – 13 Mac 2016

MASA:
9:00 pagi – 4:00 petang

TEMPAT:
Perpustakaan Negara Malaysia

15

Bahagian C

(25 markah)

(Masa yang dicadangkan: 35 minit)

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Kamu telah dipilih sebagai wakil sekolah dalam ceramah tentang pentingnya amalan berjimat cermat.

Tulis teks ceramah tersebut selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Usiamu sedang dimamah waktu
Kini wajahmu redup dan sayu
Betapa kami sayang dan rindu
Melihat wajah tuamu kami tak jemu

Muda mudi tak akan lupa
Ada yang tua perlu dikasih
Jangan ada tua yang tersisih
Jangan ada hati yang tergores

Dua rangkap di atas merupakan sebahagian daripada lirik lagu Sayangi Warga Tua. Lirik tersebut menyarankan masyarakat agar sentiasa menghormati dan menyayangi warga tua. Golongan tersebut seharusnya tidak disisihkan oleh masyarakat kerana kebanyakan mereka juga pernah menyumbangkan jasa kepada negara suatu ketika dahulu.

Berdasarkan maksud lirik tersebut, tulis karangan tentang cara-cara untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang terhadap waga tua.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

Skema Jawapan Tahun 4

Bahagian A

1. Makanlah makanan yang berkhasiat, seperti nasi berlaukan ikan dan sayur serta segelas air.
2. Bersenamlah selalu untuk mengeluarkan peluh agar sentiasa cergas.
3. Tidurlah awal pada pukul 10:30 malam untuk mendapatkan rehat yang cukup.
4. Jalanilah pemeriksaan kesihatan di klinik untuk mengetahui tahap kesihatan kita.
5. Bergotong-royonglah untuk membersihkan kawasan rumah agar kawasan rumah bersih dan ceria.

Bahagian B

Iklan tersebut menunjukkan program karnival Jom Membaca yang diadakan pada 11 hingga 13 Mac 2016. Karnival tersebut bermula pada pukul 9:00 pagi hingga 4:00 petang. Karnival itu bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia. Pelbagai aktiviti yang menarik diadakan sepanjang karnival tersebut berlangsung seperti jualan buku terbaharu oleh pelbagai syarikat penerbitan buku. Selain itu, kaunter peminjaman dan pemulangan buku turut disediakan. Individu yang ingin mendaftar sebagai ahli boleh berurus di kaunter tersebut. Pengunjung boleh mendermakan bahan bacaan terpakai semasa karnival ini. Orang ramai dijemput hadir untuk menyertai Karnival Jom Membaca yang banyak memberikan manfaat kepada masyarakat.

(84 patah perkataan)

Bahagian C

Soalan 1.

Pendahuluan

amalan berjimat cermat - perlu dipupuk sejak kecil lagi - berjimat cermat dalam segala hal - bukan dari segi kewangan semata-mata.

Isi-isi penting

1. gemar menabung- dapat mengelakkan pembaziran- mengawal diri daripada berbelanja secara berlebihan- wang tabungan dapat digunakan pada waktu kecemasan.
2. harta benda dijaga dengan baik- akan lebih tahan lama- barang tersebut tidak perlu dibeli lagi- wang yang ada dapat ditabungkan
3. memupuk cara hidup yang sederhana- mengawal kita daripada berbelanja secara berlebihan- mengelakkan pembaziran

4. berjimat cermat dalam penggunaan sumber alam- tidak membazirkan air dan elektrik- memastikan sumber alam tidak terbuang dengan sia-sia

Penutup

Berjimat cermat amalan bijaksana- ingat sebelum kena,berjimat sebelum habis

Soalan 2.

Pendahuluan

warga tua banyak menabur jasa kepada negara dan bangsa

Isi-isi penting

1. sikap menghormati orang tua-tua perlu disemai semasa kecil lagi- menyayangi mereka sepenuh hati- didikan ibubapa adalah penting
2. mengadakan hari wagra tua supaya warga tua tidak berasa tersisih- menghargai jasa dan pengorbanan mereka
3. mendekati orang tua dengan mengadakan lawatan ke rumah orang tua-tua- dapat mendidik generasi muda
4. memberikan pencen kepada warga tua- memberikan peluang berkongsi kemahiran dan pengetahuan

Penutup

5. warga tua tidak harus disisihkan- masyarakat tidak patut mengabaikan mereka